



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1995

PERATURAN MENGGANTI MANA-MANA ANGGOTA
LEMBAGA TATATERTIB MENGIKUT SUBPERATURAN 2(3),
PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA TATATERTIB
PERKHIDMATAN AWAM 1993

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk memaklumkan tatacara mengemukakan permohonan mengganti mana-mana anggota Lembaga Tatatertib di bawah subperaturan 2(3), [Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993](#).

LATAR BELAKANG

2. Di bawah subperaturan 2(3), [Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993](#), Ketua Setiausaha Negara boleh, atas sebab-sebab yang hendaklah direkodkan olehnya secara bertulis, menamakan mana-mana

pegawai yang berpangkat lebih tinggi daripada pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib untuk menggantikan mana-mana anggota Lembaga Tatatertib, kecuali anggota yang dilantik bagi maksud Peraturan-Peraturan tersebut.

KEADAAN YANG MEMERLUKAN ANGGOTA GANTI

3. Antara keadaan-keadaan yang memerlukan penggantian anggota Lembaga Tatatertib adalah seperti berikut:

- (i) jika mana-mana anggota Lembaga Tatatertib menjadi pengadu (complainant) terhadap pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib;
- (ii) jika berlaku kekosongan mana-mana anggota yang sepatutnya menganggotai Lembaga Tatatertib; atau
- (iii) jika mana-mana anggota Lembaga Tatatertib menarik diri dari sesuatu kes tertentu kerana dikhuatiri tidak adil/tidak wajar.

PEGAWAI YANG MEMANGKU DAN YANG MENANGGUNG KERJA

4. Pegawai-pegawai yang memangku sesuatu jawatan, boleh menjadi Pengerusi atau anggota tanpa perlu membuat permohonan. Bagi pegawai yang menanggung kerja sesuatu jawatan yang sepatutnya menjadi Pengerusi atau anggota, kelulusan Ketua Setiausaha Negara adalah diperlukan.

TATACARA PERMOHONAN

5. Permohonan untuk mengganti Pengerusi atau anggota Lembaga Tatatertib


hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, dengan menggunakan Borang seperti di [Lampiran 'A'](#).

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

PEMBATALAN

7. [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1989](#) adalah dengan ini dibatalkan.



(TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

Tarikh: 7 Jun 1995

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan

**PENAMAAN PENERUSI ATAU ANGGOTA LEMBAGA
TATATERTIB MENGIKUT SUBPERATURAN 2(3),
PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA TATATERTIB
PERKHIDMATAN AWAM 1993**

Mengikut kuasa yang diberi kepada saya di bawah subperaturan 2(3) [Peraturan-](#)

[Peraturan Lembaga](#)

[Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993](#) saya dengan ini menamakan:

- (i) Nama pegawai :
- (ii) Jawatan :
- (iii) Gred/Tingkatan :

untuk menjadi pengganti Pengerusi/anggota* Lembaga Tatatertib bagi Pegawai

Kumpulanbagi

.....
.....

2. Penamaan ini dibuat atas alasan seperti berikut:

Ketua Setiausaha Negara

Tarikh :

*Potong yang tidak berkenaan.